

16 JUL 2001

Mahathir-Tenaga

KERAJAAN AKAN TERUS GALAKKAN TENAGA GUNA SEMULA

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan tenaga guna semula sebagai bahan bakar kelima dan kecekapan tenaga, dalam strategi pempelbagaian bahan tenaganya.

Katanya dalam masa negara menghasilkan sejumlah besar sisa biomass terutama dalam industri minyak sawit dan kayu, Malaysia mempunyai potensi besar bagi penemuan tenaga yang cukup banyak daripada sisa-sisa ini.

Katanya penggunaan tenaga yang lebih cekap bukan sahaja membantu mengurangkan pembaziran dan meningkatkan persaingan dalam pengeluaran industri negara, ia juga akan memudahkan pertumbuhan mapan melalui penggunaan sumber yang maksimum.

"Satu kajian yang disiapkan kerajaan baru-baru ini menunjukkan bahawa sumber tenaga guna semula yang terdapat di negara ini mempunyai potensi teknikal bersamaan kira-kira 36 juta tan minyak. Ia merupakan sumber besar yang akan terbuang jika tidak dipergunakan sepenuhnya," katanya dalam ucapatama pada Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini.

Dr Mahathir berkata kebanyakan sumber ini merupakan sisa biomass yang dihasilkan oleh industri tempatan yang turut menghadapi masalah untuk menghapuskannya dengan kesan negatif yang minimum terhadap alam sekitar.

Tenaga negara buat masa ini adalah dalam bentuk minyak, batu arang, gas dan tenaga hidro.

Sebagai industri baru, katanya, tenaga guna semula dan kecekapan tenaga menawarkan potensi lebih besar bagi pembangunan keusahawanan dan teknologi berbanding perniagaan tenaga konvensional.

Dr Mahathir berkata Malaysia dengan mudah boleh mengambil kedudukan di hadapan dalam eksport teknologi baru dan perkhidmatan perundingan dalam bidang baru ini jika negara boleh memupuk awal sebuah industri yang berjaya.

Katanya kerajaan berupaya memberikan liputan bekalan elektrik ke luar bandar lebih 93 peratus di seluruh negara.

"Dengan hampir seluruh Semenanjung Malaysia telah diliputi bekalan, keutamaan kita bagi RM856.6 juta yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah bagi masyarakat pedalaman di Sabah dan Sarawak," katanya.

Katanya penubuhan Suruhanjaya Tenaga Mei lepas bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyeliaan kawalan terhadap sektor tenaga, terutama industri bekalan elektrik dan sektor kecil bekalan gasnya.

Dr Mahathir berkata satu daripada bidang utama tanggungjawab badan itu ialah bagi perancangan kemampuan kapasiti dalam industri elektrik.

Suruhanjaya itu, katanya, akan diamanahkan dengan tugas membuat tawaran bagi program membina janakuasa baru dan bertanggungjawab bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan serta sumber baru dan guna semula tenaga.

Dr Mahathir juga berkata loji kuasa negara telah kurang daripada bergantung terhadap minyak daripada 85 peratus pada 1980 kepada hanya lapan peratus sementara penggunaan gas asli meningkat daripada satu peratus pada 1980 kepada lebih 71 peratus pada tahun 2000.

Katanya walaupun kemajuan dan pertumbuhan ekonomi adalah keutamaan negara yang penting, kerajaan berhati-hati dalam memastikan ia tidak dijalankan sehingga menjejaskan alam sekitar.

-- BERNAMA

MAM MAM RON

